

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 FEB 2015

PM bakal rasmi Sambutan Ulang Tahun Ke-15 YPC

U.M
- 6/2/2015

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak dijadualkan hadir untuk merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-15 Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) di Hotel Berjaya Times Square di sini pada 12 Februari ini.

Pengerusi YPC, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata, Perdana Menteri juga akan meraikan sebanyak 45 penerima Anugerah Guru Bestari 2015 pada majlis berkenaan.

Menurut beliau, Anugerah Guru Bestari merupakan penghargaan YPC terhadap pengorbanan dan dedikasi yang diberikan oleh warga pendidik terhadap kerjaya mereka.

"Sambutan Ulang Tahun Ke-15 YPC merupakan mercu tanda kegemilangan UMNO Bahagian

Cheras dalam memartabatkan pembangunan pendidikan di Cheras dan Kuala Lumpur.

"Sepanjang tempoh 15 tahun penubuhannya, YPC telah menunjukkan kejayaan yang amat membanggakan dalam usaha meningkatkan tahap kecemerlangan pendidikan," katanya seperti dipetik daripada laman blog UMNO Bahagian Cheras di <http://umnobahagiancheras.blogspot.com> hari ini.

Majlis tersebut dijadualkan bermula pada pukul 8.30 malam dan dijangka dihadiri menteri-menteri Kabinet, pemimpin masyarakat serta guru-guru di sekitar Parlimen Cheras khususnya dari sekolah-sekolah angkat di bawah naungan YPC.